

BAB 1

PENGENALAN

BAB 1 PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Tumpuan kajian berkaitan perkembangan dan peranan masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu akan memberi fokus terhadap pola dan perubahan penghijrahan; proses penyesuaian, peranan dan kesan dalam konteks sosiologi perbandaran. Ia meliputi aspek pentadbiran dan politik, sosio-budaya, keagamaan dan ekonomi.

Penghijrahan masyarakat Melayu Patani ke Kuala Terengganu khususnya dan pelusuk nusantara amnya adalah amat ketara sekali. Kewujudan penempatan dan perkembangan kelompok mereka di dalam interaksi sosial setempat memperlihatkan bahawa peranan yang dimainkan oleh mereka adalah amat luas merangkumi semua bidang termasuk politik, pentadbiran, sosial, budaya dan ekonomi. Kehadiran mereka menuntut perubahan melalui proses sosial yang dilalui merangkumi unsur penyesuaian dan asimilasi dengan suasana tempatan. Unsur tersebut turut tercerna secara langsung atau tidak langsung melalui aspek perkahwinan, interaksi sosial, pendidikan, agama, politik dan pentadbiran, budaya mahupun ekonomi.

Semenjak abad ke-17 lagi, empayar Melayu Islam Patani adalah amat terkenal sebagai sebuah negeri yang mempunyai jajahan takluk yang amat luas sehingga pernah disebut sebagai negeri Patani Raya atau Patani Besar.¹ Jajahan Patani Besar ini merangkumi Patthalung, Singgora, Patani, Pengkalan

¹ Mohd Zamri A. Malek, *Umat Islam Patani ; Sejarah dan Politik*, Penerbitan Hizbi, Shah Alam, 1993, hlm. 76.

Datu, Kuala Terengganu dan Phan Rang (Champa). Menurut Ibrahim Syukri, pada masa tersebut terdapat kira-kira 43 buah jajahan takluk termasuk Terengganu dan Kelantan terletak di bawah naungan Kerajaan Patani.² Kegiatan perdagangan dan perluasan kuasa amat giat berlaku pada abad tersebut sehingga terkenal di kalangan pedagang asing di seluruh dunia. Kapten Hamilton yang pernah melawati Terengganu pada 1719 dan 1720 menyatakan bahawa hasil negeri yang penting pada masa itu ialah lada hitam dan emas. Perniagaannya meliputi negeri Siam, Kemboja, Tonkin dan Sambas.³ Malah jalinan hubungan diplomatik antara negeri jajahannya dan juga jiran amatlah erat. Sepertimana hubungan Patani dengan Johor yang dirintis hingga melibatkan perkahwinan diraja antara kedua-dua pemerintah. Ikatan perkahwinan ini adalah antara Raja Kuning (Patani) dengan Sultan Abdul Jalil Syah III (Johor).⁴ Sebelum daripada itu, Tun Zainal Abidin yang merupakan putera kepada Tun Habab @ Habib Abdul Majid Bendahara Sri Maharaja, Bendahara Padang Saujana iaitu Bendahara Johor telah dibawa ke Patani oleh abang angkatnya Wan Abdullah (anak Paduka Raja). Sewaktu Tun Zainal Abidin (berumur lebih kurang 15-20 tahun) sampai ke Patani,

² Ibrahim Syukri, *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, Pasir Putih, Kelantan, 1961, hlm. 36.; Worawit Baru @ Ahmad Idris, "Tradition and Cultural Background of the Patani Region", hlm. 195 dalam Grabowsky, Volker (ed.), *Regions and National Integration in Thailand : 1892 – 1992*, Wiesbaden : Harrassowitz, Germany, 1995.

³ Sheppard, M.C. ff., "A Short History of Trengganu", *JMBRAS*, Vol. XXII, Pt. 3, June 1949, hlm. 8.

⁴ Muhammad Saleh Haji Awang (MISBAHA), *Terengganu dari Bentuk Sejarah Hingga Tahun 1918M (1337H)*, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 99 ; Buyong b. Adil, *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 72; Siti Hawa Haji Salleh, *Hikayat Patani*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 40 ; Lihat juga Sheehan, J.J., "Seventeenth Century Visitors to the Malay Peninsula ; An Extract from Mr. John Nieuhoff's Voyages and Travels to the East Indies", *JMBRAS*, V. XII, Pt. II, 1934, hlm. 86 ; Wyatt, D.K, A Thai Version of Newbold's "Hikayat Patani", *JMBRAS*, V.40, Pt.2, Dec. 1967.

beliau telah dijadikan sebagai anak angkat oleh Raja Patani iaitu Phra Nang Chao Yang. Setelah beberapa lama kemudian, Tun Zainal Abidin telah ditabalkan sebagai Sultan Terengganu I oleh Raja Patani. Majlis pertabalan ini disempurnakan di Tanjung Baharu (Kota Batang Mahang), Kuala Berang bersama dengan lapan puluh kelamin yang terdiri daripada masyarakat Melayu Patani. Bagaimanapun pusat pemerintahan di Tanjung Baharu tidak kekal lama bilamana ianya berpindah pula ke Langgar, Pulau Manis, Chabang Tiga dan akhirnya ke Bukit Keledang (Kota Lama).⁵ Sementara itu, angkatan rombongan pengiring yang terdiri daripada lapan puluh keluarga Melayu Patani tersebut pula telah mendirikan sebuah perkampungan yang berdekatan dengan istana sultan, iaitu Kampung Petani/Patani, di bandar Kuala Terengganu.⁶

Namun demikian, lama kelamaan Patani hilang jajahan takluknya satu persatu disebabkan oleh tekanan politik dari pihak luar yang cemburu dengan kekayaan dan kemasyhurannya, kelemahan pentadbiran dan tanah jajahan yang terlalu luas. Kerajaan Johor sendiri pernah mengesyorkan pihak Belanda supaya menyerang Patani pada tahun 1605. Sementelahan pula kerajaan Melayu Patani senantiasa dicemburui oleh kerajaan Ayuthaya (Siam) di sebelah utara. Patani buat pertama kalinya pernah diserang oleh Raja

⁵ Muhammad Saleh Haji Awang (MISBAHA), *op.cit.*, hlm. 103.

⁶ *Ibid.*, hlm. 104. Kampung Petani masih lagi wujud di bandar Kuala Terengganu hingga ke hari ini dan terdapat ciri-ciri rumah tradisional yang hampir sama seperti mana di

Naresuan dari Ayuthaya pada tahun 1603, tetapi dapat dipertahankan dengan bantuan dan sokongan daripada pihak Portugis dan Belanda yang berada di Patani pada ketika itu⁷. Kekuatan pihak Siam pada akhir abad ke-18 mula memberi ancaman kepada Patani. Akhirnya pada bulan November 1786, Patani telah mengalami kekalahan teruk yang menyebabkan seluruh negerinya jatuh ke tangan Siam.⁸ Dalam pada itu, pihak Siam sendiri mengakui bahawa Terengganu dan Patani telah diletakkan di bawah penguasaan Raja Singgora sejak tahun 1791⁹.

Ketidakstabilan politik di tanahair sendiri telah mendesak dan mendorong kepada penghijrahan beramai-ramai masyarakat Melayu Patani ke tempat lain. Selepas daripada itu, rakyat Patani mulai bangkit kembali dengan memohon bantuan daripada Kedah, Kelantan dan Terengganu. Walau bagaimanapun, kekuatan Siam amat sukar digugat dan sekali lagi Patani bersama angkatan bantuannya terus mengalami kekalahan pada 1832.

Pada masa ini, beribu-ribu rakyat Melayu Patani menjadi pelarian ke selatan memasuki negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu. Semua peringkat status sosial seperti golongan diraja dan kerabatnya, pembesar, ulama, dan seterusnya hingga ke peringkat rakyat jelata, turut berhijrah untuk menyelamatkan diri dan keluarga. Golongan ulama' seperti Tok Syeikh Qadi

Patani. Sila lihat Mubin Sheppard, Tan Sri Haji, Traditional Malay House in Trengganu and Kelantan, *JMBRAS*, Vol. 42, Pt. 2, 1969, hlm. 6.

⁷ Worawit Baru @ Ahmad Idris, *op.cit.*, hlm. 197.

⁸ Mohd Zamberi A. Malek, *op.cit.*, hlm. 96., Lihat juga Worawit Baru @ Ahmad Idris, *op.cit.*, hlm. 198.

⁹ Thamsook Numnonda, *The Anglo Siamese Negotiations 1900-1909*, Tesis Ph.D (belum diterbitkan), University of London, 1966, Mikrofilem Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

dan Syeikh Abdul Kadir juga turut melarikan diri ke Pulau Duyong, Terengganu dan seterusnya mendapat naungan daripada Sultan Terengganu.¹⁰ Keturunan ulama ini kemudiannya memainkan peranan yang penting di dalam pentadbiran dan penyebaran agama Islam di Terengganu.

Siri-siri peperangan dan tuntutan jihad untuk membebaskan tanahair yang dirampas seringkali menjadi agenda yang amat perit untuk ditelan oleh masyarakat Melayu Patani sendiri bilamana ianya mengorbankan ribuan nyawa yang tidak berdosa. Penghijrahan ke selatan terus berlangsung hingga ke hari ini. Penentangan yang terakhir berlaku pada tahun 1981 bila mana ianya mendorong generasi baru Melayu Patani berhijrah ke Terengganu dan lain-lain tempat. Data perangkaan menunjukkan bahawa seramai 1612 orang telah melarikan diri ke Malaysia pada waktu tersebut.¹¹

1.2 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauhmana peranan, penyertaan, asimilasi, implikasi dan perkembangan masyarakat Melayu Patani dalam aspek politik dan pentadbiran, sosial, budaya serta ekonomi di Kuala Terengganu. Proses migrasi, penyesuaian dan asimilasi turut diperbincangkan untuk meninjau bagaimana peranan tersebut berlaku

¹⁰ Shaharil Talib Robert, *The Trengganu Ruling Class in the Nineteenth Century*, *JMBRAS*, Vol. 50, Pt. II, 1977, hlm. 39.

¹¹ Mohd Zamberi A. Malek, *op.cit*, hlm. 378.

terhadap masyarakat Melayu Patani sendiri dan masyarakat setempat di dalam konteks urbanisasi di Kuala Terengganu.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1.3.1 Melihat pola dan perubahan penghijrahan serta penempatan masyarakat Melayu Patani dari peringkat awal hingga ke hari ini.


1.3.2 Meninjau bentuk dan proses penyesuaian serta asimilasi di kalangan masyarakat Melayu Patani sendiri dan juga masyarakat setempat.

1.3.3 Mengkaji sejauhmana peranan, pengaruh dan kesannya yang dimainkan oleh masyarakat Melayu Patani terhadap perkembangan urbanisasi di dalam politik/pentadbiran, sosial/budaya dan ekonomi di Kuala Terengganu.

1.4 KAWASAN KAJIAN

Kawasan kajian yang terlibat adalah meliputi kawasan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT). Ianya merangkumi kawasan Pulau Duyong, Losong dan Chabang Tiga serta Bukit Bayas. (lihat peta 1)

PETA 1 : KUALA TERENGGANU



1.5 KAE DAH KAJIAN

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kaedah kepelbagai disiplin (multi-disciplinary) yang menggabungkan pendekatan sejarah dan sosiologi. Antara kaedah kajian yang diaplikasikan adalah seperti berikut:

1.5.1 Pengumpulan Data Primer

1.5.1.1 Pemerhatian Ikut Serta

Kaedah ini menjadi teras kepada keseluruhan kajian ini. Penulis secara langsung terlibat dengan kehidupan seharian bersama masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu. Penulis telah mengikuti segala perkembangan yang berlaku seharian termasuklah aktiviti, program, perbincangan, mesyuarat, pertemuan dan sebagainya dari semasa ke semasa. Penulis juga cuba mengenalpasti kelompok kumpulan sasaran melalui jurai salasilah keturunan dan generasi Melayu Patani yang tinggal di Kuala Terengganu sejak peringkat awal sehingga ke hari ini. Maklumat tersebut diperolehi semasa pengkaji tinggal bersama komuniti mereka di lapangan kajian dan juga diperolehi daripada beberapa pihak serta institusi tertentu yang terlibat.

1.5.1.2 Borang Kaji Selidik

Sebanyak 120 borang kaji selidik disediakan untuk 120 orang responden. Kaedah ini dijalankan bersama kaedah penyertaan ikut serta. Pihak penulis mengklasifikasikan responden berdasarkan kepada tiga kawasan kajian dan sebuah persatuan. Seramai 90 orang responden lelaki (ketua isi rumah) dipilih daripada tiga kawasan kajian yang terlibat iaitu Pulau Duyong (30 responden), Chabang Tiga/Losong (30 responden) dan Bukit Bayas (30 responden); manakala seramai 30 responden lelaki dipilih daripada senarai keahlian Persatuan Muhajirin Patani sebagai sampel mewakili persatuan. Pemilihan responden bagi tiga kawasan kajian tersebut dibuat melalui susur galur salasilah keturunan ‘Wan’ yang mewakili generasi Melayu Patani yang sudah lama menetap di Kuala Terengganu manakala Persatuan Muhajirin Patani pula mewakili generasi yang baru.

1.5.1.3 Termutual

Pengkaji juga turut menemubual masyarakat Melayu Patani dan masyarakat tempatan. Kaedah ini juga disasarkan kepada individu dan tokoh tertentu yang dianggap dapat membantu penulis dari segi maklumat, bahan, idea dan pandangan yang berkaitan.

1.5.2 Pengumpulan Data Sekunder

1.5.2.1 Perpustakaan

Penulis turut menelaah dokumen, buku, jurnal, tesis, terbitan berkala dan tak berkala, fail serta teks bahan-bahan sejarah yang relevan dengan kajian di institusi-institusi tertentu seperti Perpustakaan Universiti Malaya, Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara (Cawangan Terengganu), Muzium Negeri Terengganu, Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, Pejabat Tanah dan Galian Terengganu, Persatuan Sejarah Terengganu dan lain-lain jabatan kerajaan.

1.6 MASALAH KAJIAN

Penulis berhadapan dengan beberapa masalah yang timbul sama ada sebelum, semasa atau selepas kajian ini dilakukan. Antara masalah tersebut ialah :

- i) Kesulitan mengenalpasti generasi Melayu Patani yang menetap di Kuala Terengganu pada peringkat awal disebabkan kekurangan bahan dan maklumat.

- ii) Hanya tinggal sebilangan kecil sahaja masyarakat Melayu Patani yang masih mengetahui berkenaan sejarah dan perkembangan komuniti tersebut hingga ke hari ini.

- iii) Terdapat ramai di kalangan masyarakat Melayu Patani yang telah lama bermastautin atau lahir di Kuala Terengganu tidak mengetahui asal usul generasi mereka sendiri.

1.7 KAJIAN TERDAHULU

Kajian berkenaan peranan dan proses asimilasi sesebuah masyarakat di dalam proses perbandaran telah banyak dilakukan. Hubungkait di antara proses migrasi antara kawasan dengan peranan sosialisasi di kawasan yang dituju adalah amat penting untuk diselidiki. Memandangkan peranan sesebuah komuniti atau etnik yang terlibat sepenuhnya di dalam proses perbandaran amat ketara dan begitu menonjol sejak dekad yang terakhir ini, maka pengkajian ini turut memperhalusi fenomena tersebut.

Beberapa orang sarjana turut menyentuh persoalan ini sama ada melalui pendekatan antropologi dan sosiologi mahupun historis. Sarjana yang menggunakan pendekatan antropologi-sejarah adalah seperti *Usman Pelly, Bruner, B.Najar* dan *Jennifer W. Cushman* dan lain-lain. Mereka telah membincangkan peranan dan proses asimilasi kumpulan etnik tertentu di peringkat bandar dan negara yang melalui proses masa dan jangka waktu

tertentu. Contohnya, Usman Pelly cuba membandingkan peranan, proses asimilasi dan adaptasi dua etnik, iaitu masyarakat Minangkabau dan Batak Mandailing di Medan, Sumatera Utara di dalam tesis Doktor Falsafahnya yang bertajuk *Urban Migration and Adaptation in Indonesia : A Case Study of Minangkabau and Mandailing Batak Migrants in Medan, North Sumatra.*¹² Beliau telah cuba mencungkil sejauhmana perubahan dan ketahanan yang ada pada mereka terhadap adaptasi di dalam hubungan tradisi penghijrahan ; juga perubahan di dalam budaya tempatan sebelum dan selepas kemerdekaan pada 1950.

Beliau dengan jelas menganggap bahawa penghijrahan masyarakat Minangkabau dan Mandailing yang berlaku itu didasari oleh kewujudan *cultural mission* atau misi budaya sebagai tujuan utama mereka yang telah menjadi sebahagian daripada perkara penting dalam ketuanan adat yang didokongi sejak zaman-berzaman lagi. Justeru daripada itu, beliau terus melihat kesan misi budaya kedua-dua kumpulan etnik ini terhadap perlakuan migrasi, penyesuaian dan hubungannya dengan tempat yang dituju. Pada hakikatnya, adat kedua-dua kumpulan ini sendiri sememangnya menggalakkan masyarakat mereka berhijrah (merantau) untuk memenuhi misi ini. Malah keputusan untuk bermigrasi ataupun pulang ke tempat asal barangkali turut dipengaruhi oleh kejayaan atau kegagalan para migran memahami misi budaya tersebut.

¹² Lihat Pelly, Usman, *Urban Migration and Adaptation in Indonesia : A Case Study of Minangkabau and Mandailing Batak Migrants in Medan, North Sumatra*, University of Illinois at Urbana - Champaign, Illinois, 1983.

Di samping itu, kerjasama yang erat di antara kedua-dua kelompok etnik ini memainkan peranan penting dalam mempertahankan identiti etnik dan penyesuaian misi budaya mereka ke arah persekitaran bandar yang baru. Malahan kerjasama ini telah dimanfaatkan sebagai suatu mekanisme dalam usaha untuk bersaing dengan kumpulan etnik yang lain di dalam kawasan bandar tersebut.

Bruner di dalam kajiannya yang bertajuk *The Expression of Ethnicity in Indonesia*¹³ turut mengkaji penyesuaian komuniti Batak Toba di dua buah bandar di Indonesia. Ianya memperlihatkan bahawa kehendak kumpulan etnik ini di dua buah bandar tersebut adalah pelbagai di dalam konteks masyarakat bandar terutamanya yang merangkumi aspek demografi, budaya tempatan dan juga struktur kuasa yang ada. Beliau cuba menekankan bagaimana caranya pihak migran mesti menyesuaikan diri ke dalam budaya dan masyarakat tempatan.

Namun begitu, proses adaptasi masyarakat Minangkabau dan Mandailing pula terlalu kuat dipengaruhi oleh semangat misi budaya yang dibawa bersama. Walaupun faktor penolak - penarik mampu menstimulasikan masyarakat untuk bermigrasi , tetapi proses tersebut tidak boleh diuraikan melalui faktor ekonomi yang mudah atau demografi. Dalam hal bilamana persaingan berlaku antara etnik, berkemungkinan mereka perlu menyamar atau bertindak menyembunyikan identiti etnik . Sementelah

¹³ Bruner, Edward M., *The Expression of Ethnicity* : Society, 1971, him. 251 - 280.

masyarakat multi - etnik , tindakan tersebut adalah wajar demi kepentingan mereka.

Pembawaan misi budaya yang berbeza antara etnik dapat mempengaruhi migran tertentu dalam pemilihan terhadap bidang pekerjaan, penempatan, bentuk kerjasama dan hubungan politik dengan tempat baru. Perubahan dan kelangsungan strategi adaptasi migran adalah bergantung juga kepada hubungan yang dinamis antara misi budaya dan kedudukan pola penempatan.

Manakala Jamil Raja Salem pula telah mendalami proses asimilasi komuniti Islam Lebanon di bandar Metropolitan Detroit (Michigan).¹⁴ Kajian beliau secara langsung cuba menunjukkan bagaimana pengaruh sosio budaya terhadap proses asimilasi komuniti Islam Lebanon di bandar Metropolitan Detroit. Beliau telah membuat perbandingan secara khusus kepada beberapa faktor umum iaitu agama, bahasa, status sosio-ekonomi dan struktur sosial. Kajian tersebut telah memperolehi penemuan-penemuan yang melibatkan perubahan dan asimilasi dalam aspek tertentu sama ada secara terkawal atau sebaliknya. Antara aspek yang mengalami asimilasi tanpa kawalan termasuklah amalan budaya dan sikap beragama, tahap pendapatan, pekerjaan dan tahap pendidikan.

¹⁴ Salem, Jamil Raja, *The Impact of Sociocultural Factors Upon the Assimilation of Lebanese Moslem Groups in Metropolitan Detroit (Michigan)*, Tesis PhD., Wayne State University, 1988.

Sebaliknya, aspek yang mengalami asimilasi secara terkawal adalah seperti nilai dan kepercayaan terhadap agama, bahasa pertuturan di rumah, sosialisasi di rumah dan dengan identiti etnik yang lain, corak penempatan, hubungan antara kelompok, struktur autoritarian, saiz keluarga dan peranan kaum wanita. Namun demikian, terdapat dua aspek budaya yang tidak berubah iaitu bahasa sebagai sistem pertuturan dan pola keturunan atau generasi. Namun demikian, didapati bahawa proses asimilasi yang lengkap terhadap struktur budaya masyarakat Lebanon di dalam kehidupan bandar Detroit tidak sempurna sepenuhnya.

Sementara itu, Jennifer Cushman¹⁵ telah menonjolkan peranan sebuah keluarga etnik Sino - Thai dalam pembangunan politik dan ekonomi di Thailand dan Tanah Melayu pada akhir kurun ke-19 dan awal 20-an. Beliau telah menunjukkan bagaimana aspek politik dan ekonomi tersebut dapat dikuasai oleh sebuah keluarga Sino-Thai ini melalui beberapa proses dan strategi asimilasi tertentu yang memperlihatkan kebangkitan dan kejatuhan penguasaan mereka pada peringkat akhirnya. Peranan oleh jurai keturunan keluarga Khaw ini amat berpengaruh menggunakan kedudukan politik yang dikuasai untuk memacu kepentingan ekonomi dalam keluarga mereka. Malah dengan menguasai kemahiran dalam bidang pendidikan dan bahasa Thai turut menjadikan mereka tercerna sepenuhnya sebagai masyarakat Thai.

¹⁵ Cushman, Jennifer W., *Family and State ; The Formation of a Sino - Thai Tin-mining Dynasty 1797 - 1932*, Oxford University Press, Singapore, 1991, hlm. vii - xvi.

Penguasaan dan kekuatan mereka di dalam bidang tersebut adalah bertunjang daripada sebuah jurai generasi yang memainkan peranan '*political patronage*' dan '*business 'savoir-faire'*'. Peranan keluarga Khaw ini amat jelas dalam sistem politik dan ekonomi Thai serta penguasaan dalam dunia perniagaan masyarakat Cina di Pulau Pinang.

Skinner¹⁶ pula pernah mengemukakan beberapa kriteria adaptasi imigran China di Thailand termasuklah melalui perkhidmatan diraja, dermawan, pendidikan, kemahiran bahasa dan perkahwinan. Kriteria ini dianggap penting di dalam proses asimilasi ke arah penglibatan sepenuhnya ke dalam sistem kehidupan masyarakat Thai.

Di samping itu juga, penekanan kajian terhadap komuniti Melayu Patani ini sudah tentu perlu menoleh kembali latar belakang agama dan budaya mereka di Patani. Penghidupan mereka di Kuala Terengganu adalah tidak jauh bezanya dengan Patani dari aspek-aspek tertentu seperti agama, budaya dan corak pemikiran. Hasan Madmarn¹⁷ telah mendalami kajian berkenaan peranan ulama dan institusi yang berkaitan seperti *pondok* dan *madrasah* di Patani yang melebar jalurnya hingga ke Kelantan dan Terengganu.

¹⁶ Skinner, G. William, *Chinese Society in Thailand : An Analytical History*, Ithaca, Cornell University Press, 1957 ; *Leadership and Power in the Chinese Community of Thailand*, Ithaca, Cornell University Press, 1958.

¹⁷ Hasan Madmarn, *Traditional Muslim Institution in Southern Thailand : A Critical Study of Islamic Education and Arabic Influence in the 'Pondok' and 'Madrasah' Systems of Pattani*, Tesis PhD., The University of Utah, 1990.

Pengaruh penterjemahan dan pengaplikasian *Kitab Jawi* dalam segenap bidang pendidikan Islam turut menjadi kunci utama terhadap kelangsungan aktiviti-aktiviti intelektual Melayu Islam Patani di Patani khususnya dan di nusantara amnya.

Beberapa kajian yang lain pula membahagikan peranan tersebut dari dua perspektif yang utama, iaitu melalui institusi formal dan tidak formal. Institusi tidak formal meletakkan peranan wanita sebagai ibu dan juga pendidik kepada anak-anak mereka dalam pendidikan agama dan tata cara kehidupan di dalam sesebuah keluarga dan kejiranan. Para ibu tersebut akan cuba mengekal dan mempertahankan unsur budaya melalui bahasa dan cara pembentukan sahsiah diri anak-anak di dalam keluarga. Selain daripada itu, peranan ini juga dijalinkan dengan memupuk nilai-nilai positif dengan usaha merapatkan hubungan kekeluargaan dan perpaduan dalam kelompok mereka sama ada melalui aktiviti ziarah menziarahi dan bertukar-tukar buah tangan.

Manakala institusi secara formal pula melibatkan pihak suami atau lelaki yang berperanan di dalam institusi dan kelompok masjid serta sekolah agama. Proses pengajaran dan pendidikan agama amat ditekankan kepada anak mereka semenjak kecil lagi supaya menjadi orang yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Kekentalan dan iltizam yang mendalam terhadap Islam telah menjadikan keseluruhan cara hidup mereka termasuk cara berfikir, budaya, norma hidup dan adat ditunjangkan kepada satu matlamat sahaja iaitu kembali kepada Allah S.W.T. Hal ini menyebabkan beberapa program yang

cuba diterapkan oleh pihak pemerintah Thailand seperti program perancang keluarga tidak begitu berjaya di kalangan masyarakat Melayu Patani berbanding komuniti Buddha Thai.¹⁸ Walau bagaimanapun, ia juga disebabkan oleh kemerosotan nilai pegangan agama oleh komuniti Buddha Thai sendiri. Oleh yang demikian, mereka yang cara hidupnya lebih terbuka agak mudah untuk menerima pembaharuan dan program yang dianggap baik bagi diri mereka. Namun proses tersebut tidak berlaku begitu ketara di kalangan komuniti Melayu Patani yang masih berpegang kuat dengan cara hidup Islam.

Oleh yang demikian, pengkajian terhadap komuniti Melayu Patani di Kuala Terengganu juga akan melihat sejauhmana peranan, perkembangan dan proses asimilasi komuniti tersebut di dalam suasana perbandaran serta masyarakat tempatan Terengganu sendiri.

¹⁸ Suebsonthi, Krich, *The Influence of Buddhism and Islam on Family Planning in Thailand : Communication Implication*, Tesis PhD., University of Minnesota, 1980.

1.8 KUALA TERENGGANU: DAHULU DAN KINI

Peranan Kuala Terengganu sebagai ibu negeri, pusat pentadbiran dan kesultanan, pelabuhan utama serta sebagai pusat perniagaan yang penting di sebelah Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu telah banyak dikupas oleh ramai para sarjana sejarah tempatan dan juga barat. Walaupun terdapat beberapa fakta berkaitan sejarah dan perkembangan bandar Kuala Terengganu pada peringkat awal, ianya ditulis oleh pihak Inggeris sendiri ataupun pedagang asing. Sumber daripada kalangan sejarah tempatan mengenai Kuala Terengganu sendiri agak terhad, cuma sumber daripada Abdullah Munsyi sahaja yang ada. Oleh yang demikian, adalah dikhawatir fakta yang dikemukakan mungkin berat sebelah. Sungguhpun begitu, sekurang-kurangnya bahan berkenaan akan mampu mengupas sejarah pertumbuhan dan perkembangan Kuala Terengganu sebagai sebuah ibu negeri yang amat penting pada kurun ke – 18 dan 19.

Menurut Profesor Khoo Kay Kim¹⁹, terdapat beberapa orang pengembara asing yang telah melawat atau singgah di Kuala Terengganu sama ada bertujuan untuk berniaga, penyebaran agama dan sebagainya.

¹⁹ Khoo Kay Kim, Profesor, *Kuala Terengganu : Pusat Perdagangan Antarabangsa* dalam Abdullah Zakaria Ghazali, *Terengganu : Dahulu dan Sekarang*, Persatuan Muzium Negara, Jalan Damansara, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 57 – 73.

Antara pelawat tersebut ialah Alexander Hamilton (1719 – 1720), Kapten Joseph Jackson (1764), Jean-Francois de Surville (1769), W.Medhurst (1828), G.W.Earl (1833), Munshi Abdullah (1838), Skinner (1884), Hugh Clifford (1895), W.W.Skeat dan F.F.Laidlaw (1899).

Menurut catatan yang dibuat oleh para pedagang dan pelawat asing tersebut, Kuala Terengganu memang terkenal sebagai sebuah pelabuhan ‘*entreport*’ yang maju kerana kedudukannya yang strategik sepermulaan yang dinyatakan oleh Alexander Hamilton iaitu:

“Trangano stands pleasantly near the sea, on the side of a river that has a shallow bar, and many rocks scattered to and again within the river, but room enough in many places to moore small ships very securely, to keep them safe from the dangers of the winds or floods.”²⁰

Semenjak peringkat awal lagi, Kuala Terengganu telah menjalinkan hubungan dagang dengan negeri China, Siam, Kemboja, Tonkin, Sambas, Inggeris, Perancis, Belanda dan lain-lain negara Eropah. Pada pertengahan abad ke – 18, Kuala Terengganu memainkan peranan yang penting sebagai pengeksport lada hitam dan emas di samping bahan dagangan lain yang terdiri dari sumber hutan seperti rotan, kapur, sarang burung dan barang kraftangan. Malah Kuala Terengganu pernah dikenali sebagai *Negeri Lada Hitam* dan *The Birmingham of the East*. Selain daripada itu juga, hasil laut seperti tripang, ikan dan sebagainya turut menyumbang ke arah kemajuan Kuala Terengganu sebagai pelabuhan yang maju.²¹ Pulau Duyong dan

²⁰ Foster, William Sir (ed.), *A New Account of the East Indies by Alexander Hamilton*, The Argonaut Press, London, 1930, hlm. 81-82.

²¹ Cushman, Jennifer W. Dan Milner, A.C., Eighteenth and Nineteenth Century Chinese Accounts of the Malay Peninsula, *JMBRAS*, No. 52, 1979, hlm. 10-11 ; Dunmore, John , French Visitors to Terengganu in the Eighteenth Century, *JMBRAS*, No. 46, 1973, hlm. 145-59.

kawasan di sekitar Kuala Terengganu pula terkenal dengan aktiviti pembinaan bot dan kapal. Pada tahun 1911, sejumlah 385 buah kapal yang mempunyai berat 25 hingga 100 tan setiap satu dibina oleh tukang kapal Melayu.²² Malah wujud juga keluaran hasil kerja tangan daripada kayu, besi dan timah serta pembuatan fabrik atau pakaian seperti kain emas, kain limau dan sebagainya.²³

Munsyi Abdullah pernah memberikan gambaran suasana kehidupan dan kedudukan penempatan di bandar Kuala Terengganu sewaktu lawatannya pada tahun 1838 iaitu;

"Houses sited in a haphazard manner, many of them with a small shop on the front verandah with women in charge; each house claiming two or three coconut trees; lanes narrow and crooked; piles of dried coconut husks underneath most houses to drive away mosquitoes; no schools; a large Chinese quarter with a Capitan China who spoke fluent Malay and dressed in Malay costume; fishing the main occupation of the Malay population, who are described as being otherwise idle; the Sultan's palace made of stone and a flag pole on Bukit Petri; the Kora'an taught to small groups of boys; and very beautiful fishing boats: all these survived into the twentieth century."²⁴

Malah beliau turut menyatakan bahawa orang yang paling kaya di Kuala Terengganu pada masa itu ialah seorang bangsa Cina yang menganut Islam bernama Che' Salleh.

²² CO 840, Admin Reports, Kelantan and Trengganu 1910-1930, Walter D.Scott, British Agent, Trengganu.

²³ Clifford, H., A Journey Through the Malay States of Terengganu and Kelantan, *The Geographical Journal*, Vol. IX, 1898, hlm. 30.

²⁴ Sheppard, M.C. ff., *op.cit.*, hlm. 28.

Menurut versi salinan Middel dari Leiden, Munsyi Abdullah turut menghuraikan keadaan fizikal bandar, adat dan suasana di pasar seperti berikut:

“...jumpa mata-mata – tempat mata-mata duduk – sebuah pondok atap kecil, dinding atap dan ada balai bamboo di dalamnya – tempat duduk untuk periksa perahu-perahu yang baru datang...., ...lorong ke pasar ini lorong tiada sampai sedepa bengkang bengkok, ada tempat titian, becak dan kotor, semak dan pohon – lorong seperti ular kena palu adanya. Rumah-rumah – tjongkah mangkiah – tiada teratur dan tidak sama, pagar bengkang bengkok; atap lagi tinggi – kotor, sampah dan limpahan...”²⁵

Antara adat dan larangan yang pernah dicatat ialah rakyat tidak boleh berpayung, tidak boleh memakai kasut dan pakaian berwarna kuning serta kain kasa nipis apabila sultan melewati sesebuah kampung.²⁶ Sewaktu Abdullah singgah di pasar Kampung Laut, keadaan pasar pula dikatakan terdiri daripada pondok-pondok beratap dan balai-balai di kiri dan kanan lorong (seperti bazar) dengan kesemua penjaja(peniaga) adalah perempuan.

Mereka menjual barang, makanan, kuih muih dan sebagainya. Antara kuih dan makanan yang disebut dalam kisahnya ialah *rendang pisang, keladi rebus, penganan talam, buah melaka, koriji* dan *tepung manis*. Berdasarkan adat, semua perempuan dari dusun dan hulu kampung akan datang ke pasar dengan menjunjung bakul yang berisi barang dagangan apabila matahari mulai condong.²⁷ Sebab itulah waktu bermiaga hanya beroperasi dari waktu matahari mulai condong (petang) hingga ke matahari terbenam. Harga barang jualan agak murah dan penduduk tempatan tidak

²⁵ Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, *Kesah Pelajaran Abdoellah bin Abdelkadir Moensji Dari Singapoera sampai ke negeri Kalantan (disalin oleh R. Brons Middel)*, Leiden, 1893, hlm. 31-34.

²⁶ *ibid.*, hlm. 31.

²⁷ *ibid.*, hlm. 37.

gemar makan daging, tetapi lebih suka makan ikan, sayur, tempoyak, pekasam, petai, jering dan segala jenis ulam yang banyak terdapat di pasar.

Kuala Terengganu juga pernah dicatat mempunyai penduduk yang ramai dan terdiri dari golongan atau kelas tertentu seperti pemerintah, pedagang, ulama dan lain-lain.²⁸ Sir Hugh Clifford dalam lawatannya pada tahun 1895 menyatakan bahawa:

"the Malays of Trengganu displays, as agriculturist, fisherman and craftsman, an energy uncommon elsewhere in people of his race. As yet there are no trunk roads, railways or telegraphs. Communications within the State are by river or native path..."²⁹

Gambaran bandar Kuala Terengganu sebagai pelabuhan utama turut diuraikan sepetimana berikut:

"The capital and main port is Kuala Terengganu (pop. 12,453) at the mouth of the river after which the State is named. The river has a bar with seven feet of water over it at low water, and during the north-east monsoon there is excellent and safe anchorage at Pulau Kapas, seven miles south. The houses of the capital, constructed largely of bamboo, are built close together; sanitation is defective and there is considerable risk of fire."³⁰

Malah pernah dinyatakan juga bahawa kedudukan pelabuhan Kuala Terengganu pada tahun 1830-an adalah sangat strategik untuk mempertahankan muara sungai Kuala Terengganu sekiranya berlaku serangan dari laut.³¹

²⁸ Dunmore, John., *op.cit*, hlm. 147.

²⁹ Winstedt, R.O., Malaya; *The Straits Settlements and The Federated and Unfederated Malay States*, Constable & Co. Ltd., Singapore, 1923, hlm. 259.

³⁰ *ibid.*

³¹ Earl, G.W., *The Eastern Seas*, Oxford University Press, London, 1971, hlm. 152.

Penduduk di Kuala Terengganu pada awal kurun ke – 19 dianggarkan berjumlah kira-kira 30,000 orang.³² Menurut bancian pada tahun 1912, populasi penduduk di Kuala Terengganu telah mencapai angka 25,000 orang yang mana merupakan salah satu daripada empat bandar terbesar di Semenanjung Tanah Melayu pada ketika itu.³³ Berdasarkan bancian rakyat pada tahun 1931, didapati bahawa jumlah penduduk di Kuala Terengganu telah bertambah sebanyak 79,945 orang daripada keseluruhan penduduk Terengganu seramai 179,664 orang.³⁴

Berikut adalah jadual menunjukkan unjuran bancian penduduk di Terengganu dan Kuala Terengganu pada tahun 1931.

JADUAL 1(a) : Jumlah Penduduk Negeri Terengganu Mengikut Jantina, 1931.

Bangsa	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Eropah	29	4	33
Nasrani	6	4	10
Melayu	80,297	84,150	164,447
Cina	10,133	3,125	13,258
India	1,244	64	1,308
Lain-Lain	413	195	608
Jumlah	92,122	87,542	179,664

Sumber : Menteri Besar's Office File (MBOF) Terengganu, 154/1350, Kenyataan Banci Rakyat 1931.

³² Newbold, T.J., *Political and Statistical Account of the British Settlement in the Straits of Malacca*, Vol. 11, London, 1839, hlm. 60.

³³ Allen, J. de V., Sultan Zainal Abidin III : Possessor Districts, *MIH*, Vol. XII, No. I, 1968, hlm. 3.

³⁴ Menteri Besar's Office (MBO) Terengganu, 154/1350
1931.

Jadual 1(b) : Jumlah Penduduk Kuala Terengganu dan Bandar Kuala Terengganu Mengikut Etnik, 1931.

	Eropah	Nasrani	Melayu	Cina	India	Lain	Jumlah
K/T	10	1	65,135	713	102	12	65,973
Bandar K/T	5	7	11,652	1,934	267	107	13,972
Jumlah	15	8	76,787	2,647	369	119	79,945

Petunjuk : K/T = Kuala Terengganu

Sumber : Menteri Besar's Office File (MBOF) Terengganu, 154/1350, Kenyataan Banci Rakyat 1931.

Jumlah peratusan penduduk bandar dan sekitar daerah Kuala Terengganu adalah 44.5 % daripada keseluruhan penduduk Terengganu dengan pecahannya 36.7 % di sekitar Kuala Terengganu dan 7.8 % di bandar Kuala Terengganu. Etnik yang paling dominan tinggal di bandar pula ialah kaum Melayu iaitu 83.4 % dan diikuti oleh etnik Cina sebanyak 13.8%; India (1.9 %); Lain-lain (0.8 %); Nasrani (0.06 %) dan Eropah (0.04 %). Namun demikian, jumlah pola peratusan etnik yang tinggal di bandar adalah lebih ketara bagi etnik lain-lain (89.9 %); Nasrani (87.5 %); Cina (73.1 %); India (72.6 %); Eropah (33.3 %) dan Melayu (15.2 %) berbanding jumlah keseluruhan di daerah dan bandar Kuala Terengganu.

Berikut ialah gambar menunjukkan keadaan fizikal bandar Kuala Terengganu antara tahun 1920 hingga awal tahun 1930-an.



Gambar 1.1 : Kawasan Pasar Kedai Payang pada awal tahun 1920-an.



Gambar 1.2 : Jalan Kedai Payang, Kuala Terengganu (awal 1930-an).




Gambar 1.3 : Pasar Lama Kedai Payang



Gambar 1.4 : Jalan Tanjung, Kuala Terengganu (sekarang dikenali sebagai Jalan Sultan Zainal Abidin)



Gambar 1.5 : Kampung Daik. (Kawasan Masjid Sultan Zainal Abidin)



Gambar 1.6 : Kawasan Kedai Binjai (Balik Bukit). Kini adalah tapak Hotel Seri Malaysia.

Kemudahan perkhidmatan telefon yang paling awal mula dibina pada bulan Disember 1911 di Kuala Terengganu, iaitu menghubungkan Pejabat Pos dengan istana Sultan dan juga penempatan agen British.³⁵ Pada tahun berikutnya, jalan raya sepanjang 4 ½ batu telah dibina di sekitar bandar dan pembinaan jalan ke Kuala Ibai juga turut dimulakan. Kemudiannya pertumbuhan bandar Kuala Terengganu mulai pesat dari tahun 1922 seperti mana yang digambarkan oleh Sheppard;

“A telegraph line was constructed linking Kuala Terengganu with Kuantan in Pahang, and was opened on 18th March with a message of congratulation from the High Commissioner; ... ; a new police station was erected in Kuala Terengganu and at Kertai, the number of vernacular schools in the State was increased to twelve with a total enrolment of 560 ...”³⁶



Gambar 1.7 : Bot penambang merupakan antara pengangkutan yang penting pada awal tahun 1900-an. (Lokasi berhampiran Pasar Kedai Payang)

³⁵ Sheppard, M.C. ff., *op.cit.* hlm. 54.

³⁶ *Ibid.*, hlm. 63.



Gambar 1.8 : Penggunaan kereta mula diperkenalkan seiring dengan pembinaan jalan raya. (Kawasan istana Badariah)

Kuala Terengganu telah mula diwartakan sebagai sebuah bandar pada 12 Mac 1953³⁷ walaupun Lembaga Bandaran telah dibentuk pada tahun 1917 yang terdiri daripada tiga orang ahli secara rasmi dan dua orang ahli tidak rasmi.³⁸ Namun demikian, sedikit perubahan persempadanan antara Bandar Kuala Terengganu dan Marang telah dibuat pada 8 Julai 1954.³⁹

Pihak Berkuasa Negeri telah mengisytiharkan penubuhan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu sebagaimana yang diwartakan melalui Warta Kerajaan pada 21 Disember 1978. Keluasan kawasan Majlis adalah lebih kurang 18,712 hektar, tetapi mulai 1 Januari 1985, Mukim Bukit Payung dan

³⁷ Lihat C.L.M 100/55, Extension of Town of Kuala Terengganu, 13/8/1955.

³⁸ Chan Su-ming, Kelantan and Terengganu 1909 – 1939, *JMBRAS*, Vol. XXXVIII, Pt.I, 1965, hlm. 185.

³⁹ Lihat C.L.M 95A/54.

Alur Limbat telah dimasukkan ke dalam kawasan Majlis Daerah Marang yang merangkumi kawasan seluas 1,906 hektar. Oleh yang demikian, kawasan Majlis kini adalah seluas 16,806 hektar keseluruhannya. Kawasan yang terlibat adalah meliputi pusat bandar, Gong Kapas, Bukit Kecil, Chabang Tiga, Losong, Durian Burong, Batu Burok, Chendering, Kuala Ibai, Kampung Laut, Pasir Panjang, Bukit Besar, Bukit Bayas, Wakaf Mempelam, Sungai Rengas, Pengadang Baru, Padang Midin, Gelugor Kedai, Atas Tol, Pengadang Buloh, Batu Lapan, Seberang Takir, Gong Badak, Pulau Duyong dan Batu Rakit.

Kesemua kawasan yang terlibat tersebut telah disusun atur berdasarkan zon perancangan tertentu iaitu seperti berikut :

JADUAL 1(c) : Penyusunan Struktur Kawasan MPKT Mengikut Zon Perancangan Utama.

ZON PERANCANGAN UTAMA	ZON PERANCANGAN KECIL	KAWASAN LIPUTAN
1. Kawasan Pusat Perdagangan Zon Perancangan A	A1 A2 A3 A4 A5 A6 A7	Kampung China Kampung Daik / Kampung Panglima Pasar Besar / Taman Syahbandar Kampung Dalam Kampung Petani Kampung Tiong Jalan Tok Lam Air Jernih
2. Kawasan Pinggir Zon Perancangan B	B1 B2 B3	Tanjong Nisan Empat / Ladang Jalan Pejabat
Zon Perancangan C	C1 C2 C3	Batu Burok Jalan Pusara Jalan Sultan Omar

Zon Perancangan D	D1 D2 D3 D4 D5	Balik Bukit Bukit Pak Apil Batas Bharu Gong Kapas / Bukit Kecil Pulau Kambing / Kuala Hiliran
-------------------	----------------------------	---

Sumber : **Rancangan Tempatan Kawasan Perancangan Pusat Bandar Kuala Terengganu Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (1991 – 2010), Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, Ogos 1993, hlm. 1-4.**

Berdasarkan kepada Jadual 1(c), didapati bahawa Kg. Petani diletakkan bersama dengan Kampung Dalam di dalam zon perancangan kecil A4. Zon perancangan A adalah zon perancangan dan pusat perdagangan utama. Oleh yang demikian, zon ini sudah tentu akan menjadi fokus utama kunci pembangunan pusat bandar Kuala Terengganu pada masa akan datang.

JADUAL 1(d) : Kadar Unjuran Pertumbuhan Penduduk Kuala Terengganu (1980 – 2010)

Zon	Bilangan Penduduk											
	1980	%	1991	%	1995	%	2000	%	2005	%	2010	%
A	8655	25.0	9381	25.3	11165	24.7	13289	23.9	14889	23.9	16682	23.9
B	8129	23.5	8331	22.5	10215	22.5	12526	22.6	14034	22.6	15724	22.6
C	7071	20.5	8241	22.3	10662	23.5	13793	24.9	15454	24.9	17315	24.9
D	10715	31.0	11066	29.9	13248	29.3	15861	28.6	17771	28.6	19911	28.6
Jumlah	34570	100	37019	100	45290	100	55469	100	62148	100	69632	100.0

Sumber : Unit Rancangan Tempatan Kuala Terengganu, 1991.

Namun, sekiranya melihat kepada unjuran pertumbuhan penduduk mengikut zon dalam Jadual 1(d), didapati bahawa kadar pertumbuhan penduduk bandar akan bertumpu di kawasan zon D yang meliputi kawasan Balik Bukit, Bukit Pak Apil, Batas Bharu, Gong Kapas/Bukit Kecil/Pulau Kambing dan Kuala Hiliran. Penumpuan penduduk di kawasan ini berkemungkinan dipengaruhi oleh pelan pembangunan bandar Kuala Terengganu sendiri yang mahu limpahan pembangunan bandar diseratakan ke kawasan sekitaran bandar.

Jadual tersebut juga menunjukkan kadar pertumbuhan penduduk Kuala Terengganu selama 30 tahun dari tahun 1980 hingga 2010 menokok sebanyak 101.4 peratus. Kawasan zon perancangan D mendahului dengan jumlah penduduk pada tahun 2010 sebanyak 19911 orang, diikuti kawasan

zon C sebanyak 17315 orang; kawasan zon A sebanyak 16682 orang dan zon B sebanyak 15724 orang. Pada tahun 1991, kumpulan etnik Melayu merupakan yang terbesar iaitu 62.6 %, diikuti oleh kaum Cina 35.3 % dan kaum India 1.4 %. Peratusan kaum Melayu dijangka meningkat pada masa hadapan ekoran perancangan penyusunan semula aktiviti guna tanah dan pembangunan kawasan kediaman.

Kadar kepadatan penduduk pada tahun 1991 ialah 57 orang sehektar dan dijangka meningkat kepada 86 orang pada tahun 2000 dan 108 orang pada tahun 2010. Di samping itu, nisbah jantina antara lelaki dan perempuan pada tahun 1991 juga memperlihatkan fenomena di mana 98.8 lelaki bagi setiap 100 orang perempuan. Keadaan lebih ramai perempuan daripada lelaki dijangka berterusan. Ianya disebabkan oleh terdapatnya penawaran peluang pekerjaan yang tinggi kepada kaum perempuan selain masalah penghijrahan keluar kaum lelaki untuk mendapatkan pekerjaan.

Bilangan isirumah pula dijangka bertambah daripada 7,463 pada tahun 1991, kepada 11,727 pada tahun 2000 dan meningkat kepada 14,910 orang pada tahun 2010. Manakala saiz isirumah dijangka menurun daripada 4.96 orang bagi satu keluarga di tahun 1991 kepada 4.73 orang di tahun 2000 dan 4.67 orang di tahun 2010.